



yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." Betapa sepotong ayat meliputi perkara yang menjangkau masa hadapan termasuklah hal berkaitan dengan pembedahan, telekomunikasi, terowong ulat, pengembangan masa dan juga pengembaraan masa. Subhanallah.

"Kamil, adakah kau percaya pengembaraan masa boleh dilakukan?" tanya Profesor Hiscock, mentorku merangkap ketua penyelidik teori pengembangan masa terkenal di negara "Uncle Sam" itu. Pada ketika itu, aku masih mentah dan belum pernah mentadabur *Surah al-Isra'* ayat 1. Maka itu, sebagai orang yang berpaksikan ilmu menurut kaedah empirikal, pantas sahaja aku menjawab, "Mustahil,"

Profesor Hiscock tersenyum. Dia menepuk bahu. "Tugas ahli fizik adalah mencari dan terus mencari. Bukan terus memberikan jawapan." Itulah pengajaran pertama buat diriku. Aku terdiam.

"*Yallah! Yallah!*" Aku tersentak dengan pekikan yang berulang-ulang daripada seseorang. Aku lihat polis berbangsa Arab dan berpakaian seragam berwarna coklat khaki berjalan menuju ke arahku serta jemaah lain yang duduk bersidai di bahu jalan. Dia mengusir semua jemaah yang duduk di situ, meskipun jemaah itu sedang membaca al-Quran atau sekadar berehat. Aku yang baru berhajat hendak menyambung bacaan, agak terganggu dengan usiran itu. Tidak faham mengapa kami diusir sedangkan kehadiran kami di Mina sememangnya untuk menunaikan satu daripada rukun haji, iaitu melontar jamrah. Polis Arab itu sendiri bukan tidak tahu. Oleh sebab waktu melontar Jamratul Sughra hanya bermula selepas terbit fajar 11 Zulhijah, maka aku serta jemaah lain perlu menunggu kira-kira enam jam lagi untuk sampai pada waktunya.

Kami beralih ke tempat yang agak jauh daripada pandangan polis Arab itu. Kami akhirnya menemukan ruang di sekitar bawah jejambat menuju ke kompleks jamrah. Pada sangkaan kami, itulah ruang yang paling selamat daripada usiran polis. Aku menyambung bacaan tanpa mempedulikan sesiapa yang lain.

"*Yallah! Yallah!*" Jerit polis Arab yang lain pula. Kali ini, dia berada di dalam kenderaan polis sambil membunyikan sirennya yang bingit. Aku menarik nafas panjang. 'Apa lagi polis ni? Kami tidak mengganggu laluan pun.' Aku berbisik dalam hati.

"Di sini pun diusir lagi? Apakah yang mereka mahukan?" Aku terdengar seorang jemaah lelaki dalam kumpulanku bersuara. Aku percaya, bukan dia sahaja yang bersungut. Jemaah negara lain juga begitu. Kami akur. Kesemua kami beredar mencari-cari tempat menunggu yang lain.

Aku melepaskan keluhan kecil. Terbit rasa ralat dalam diri kerana tidak bermalam di Mina, sebaliknya memilih untuk berulang-alik dari Makkah ke Mina. "Ustaz, bukankah kita perlu bermalam di Mina sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW sebelum menunaikan rukun melontar jamrah?" Aku menyoal tatkala mutawif kami, Ustaz Amir Mukhtar menasihatkan agar aku serta beberapa jemaah lain berulang-alik dari Makkah ke Mina. Alasannya kerana kami "orang muda" dan punya tenaga yang lebih untuk berbuat demikian.



"Benar. Erti bermalam tidak semestinya tidur di sana. Asalkan melebihi tempoh enam jam di Mina sudah mencukupi syarat *bermabit*." Aku mengangguk perlahan.

"Tapi Ustaz" Aku tidak jadi menyambung ayat seterusnya selepas melihat ustaz mengukir senyum.

"Tidak mengurangkan pahala sedikit pun jika berulang-alik, malah lagi banyak ganjaran atas pengorbanan kalian. Asalkan berniat memberikan keselesaan kepada golongan yang tidak berkeupayaan. Dapatlah mereka tidur di dalam khemah yang tidak bersedak." Aku menghela nafas kelegaan setelah mendengar penjelasannya.

Aku mulai berang tatkala menyaksikan provokasi demi provokasi yang dilakukan oleh beberapa orang polis Arab. Kali ini terhadap sepasang jemaah dari negara lain yang sudah berusia dan uzur. Kedua-dua

orang warga emas itu sedang berbaring merehatkan diri. Tidak semena-mena sebuah kenderaan polis dengan siren yang begitu bingit bunyinya datang menghampiri, malah dengan jelas dapat dilihat mereka sengaja merapatkan kenderaan tersebut ke arah jemaah berkenaan dengan tujuan untuk mengusir.

'Sungguh, jika hal tersebut dilakukan oleh polis Malaysia, pasti perbuatan itu mendapat kecaman dan menjadi tular di ruang media,' bisikku dalam hati. Aku bingkas berdiri mengatur langkah ke arah kenderaan polis itu untuk menghalang perbuatan yang kuanggap biadab.

Akan tetapi, seorang rakan jemaah lelaki telah memaut lenganku sambil berkata, "Jangan, Haji. Mereka itu memang sifatnya kasar. Bimbang Haji pula yang akan dikasarnya."

"Saya kasihankan jemaah yang tua itu. Apakah salah mereka berehat di situ?" kataku. Lelaki berkenaan mengangguk kecil.

"Arahan kerja agaknya. Akan tetapi, saya pasti, itu perencanaan Allah untuk menguji kita."

Aku terkesima dengan kata-kata itu. "Astaghfirullah." Aku meraup wajah sambil beristighfar. Kita sebagai hamba diuji di mana-mana dan pada setiap ketika. Ajaibnya, kata-kata rakan jemaah tadi mampu membuatkan aku terus tenang sementara menanti detik jamrah pertama tiba. Kisah polis Arab dan usirannya masih berterusan meskipun aku dan jemaah lain tidak dapat melihat secara logiknya mengapa mereka harus bertindak demikian.

Tatkala hati berbicara tentang perkara logik, mata fikirku mulai menerawang jauh. "Ah, suatu ketika dahulu siapakah pernah terfikir sistem penitududukan sejagat (GPS) ini sesuatu yang logik? Nah, hari ini, GPS terhasil daripada asas teori pengembangan masa." Demikianlah yang sering kuucapkan dalam sesi kuliah saban hari. Apa-apa

yang berkaitan dengan Sang Pencipta, tidak ada yang mustahil.

Aku meneruskan tadaburku. Kisah perjalanan pada malam hari yang dirakamkan dalam kalamullah bukan semata-mata sebagai anugerah Sang Pencipta kepada hamba-Nya yang sedang menempuh waktu sugul pada ketika itu, malah hal tersebut membuka jalan kepada manusia pengkaji untuk menggeledah ilmu alam. Nabi Muhammad SAW dibawa mengembara bukan sahaja merentas negara, bahkan alam semesta dengan kaedah yang tidak terjangkau dek teknologi ciptaan manusia.

Aku seorang profesor. Beruntungnya aku kerana aku seorang profesor Muslim yang beriman kepada

Aku memandang diriku. Aku juga duduk seperti mereka. Dikelilingi sisa sampah yang ditinggalkan oleh jemaah, malah diusir ke sana ke mari, bersolat di mana-mana sahaja ruang yang bersisa.

enam rukun iman. Tidak seperti Profesor Dr. Richard Dawking yang terang-terangan mempersendakan keterangkanku tentang Israk Mikraj. Pada ketika itu, kami menjadi panel jemputan dalam program "Head to Head" yang bersiaran langsung di stesen televisyen *al-Jazeera*. "Anda seorang saintis biologi. Nabi

Muhammad SAW pernah dibedah dada sebelum berlakunya perjalanan malam. Pembedahan dada untuk pesakit jantung telah pun berlaku dalam dunia moden sekarang. Jadi, apakah yang mustahil?" Aku membalas dengan tenang. Bak kata Buya Hamka: "Iman tanpa ilmu bagaikan lentera di tangan bayi. Namun begitu, ilmu tanpa iman bagaikan lentera di tangan pencuri." Profesor ateis itu langsung diam, namun riak wajahnya masih bersisa rasa tidak puas hati.

Mina atau Muna dalam bahasa Arab bererti "harapan". Hari ini, aku berada di Mina dengan harapan dapat menyempurnakan sebuah perjalanan kerohanian. Dalam doa tulusku juga, aku mengharapkan agar terus diberikan ilham supaya dengan pekerjaanku ini, aku mampu menjadi jambatan yang merapatkan jurang antara manusia jagat dengan sains. Orang awam sering menganggap sains sesuatu yang tidak tercapai oleh

akal mereka. Ahli sains pula sering menganggap bahawa kajian dan dapatan mereka tidak mampu dicernakan oleh orang awam. Jika hal itu berterusan, maka ilmu Allah tidak dapat dimanfaatkan.

Bentuk muka bumi Mina dikelilingi oleh bukit berpasir. Seseekali dapat dirasakan pawana yang berhembus bukan sahaja membawa butiran debu, malah turut menerbangkan sampah sarap yang entah dari mana datangnya. Aku duduk dikelilingi sampah sarap yang mendarat dibawa angin. Ruang di sekitar Mina yang dipenuhi oleh para *hujjaj* tidak memungkinkan jemaah yang berulang-alik seperti aku bersolat di tempat yang sempurna dan selesa. Cukuplah sekadar di atas jalan raya berturap yang masih mempunyai ruangan kosong.

Ketika duduk menunggu untuk beberapa jam lagi, aku masih dalam keadaan berpindah-randah tempat duduk. Di suatu sudut berhampiran, aku mengalas tikar kecil buat lapik dudukku. Saat itu, aku tersedar bahawa aku duduk berhampiran dengan dua orang wanita yang sedang memangku bayi masing-masing. Duduknya tidak beralas. Hendak dikatakan pengemis, mereka tidak dilihat seperti meminta-minta. Tiada juga kelihatan adanya bekas buat mengisi wang seperti kelaziman orang yang berada di jalanan. Tiada suami bersama-sama. Mereka pula sekejap berbaring dan seketika kemudian kembali duduk.

Aku memandang diriku. Aku juga duduk seperti mereka. Dikelilingi sisa sampah yang ditinggalkan oleh jemaah, malah diusir ke sana ke mari, bersolat di mana-mana sahaja ruang yang bersisa. Allahuakbar! Allah memberikan peluang untuk aku merasai keadaan mereka cuma dalam tempoh tidak kurang daripada enam jam. Mungkin cuma itu sahaja ujian kecil untuk seluruh hidupku. Mereka? Mereka berkeadaan begitu lebih lama daripada aku, atau mungkin selagi hayat dikandung badan. Tanpa sedar, air mataku mengalir.

Aku tertunduk sambil fikiranku menerawang jauh. Betapa tempoh menanti waktu jamrah ini mengandungi hikmah yang bermakna daripada Tuhan. Kerja haji benar-benar merupakan sebuah modul pembinaan jati diri umat. Modul yang Allah tetapkan reka bentuknya sama pada setiap tahun sejak beribu-ribu tahun lalu. Modul yang membentuk jiwa seorang hamba. Modul yang sama tidak berubah. Cuma yang berbeza ialah nuansa setiap pengalaman menuju haji yang mabrur. Demikianlah aku dan catatanku ketika sang *hujjaj* bertamu di jamrah. ☺

Ketika Sang Hujjaj Bertamu di Jamrah

Aku mencari-cari ruang yang selesa kiranya dapat kulubuhkan punggungku untuk kembali menyambung tafsir *Surah al-Isra'* yang belum sempat kuhabiskan di dalam bas tadi. Dari Makkah ke Mina hanya lapan kilometer jaraknya. Akan tetapi, pada waktu kemuncak begini, dua jam juga masa yang diambil untuk tiba ke lokasi pelaksanaan ibadat lontar jamrah itu. Namun begitu, tempoh itu tidak terasa kerana aku leka dengan ilmu daripada *Surah al-Isra'* ini. *Al-Isra'* membawa maksud "perjalanan pada malam hari". Maka itu, ibrahnya telah membawa mata fikirku menjelajah jauh.

Sungguh aku ini orangnya alpa. Al-Quran dibaca, namun aku tidak mengetahui apa-apa yang

terkandung padanya. Dua puluh tahun berteman rapat dengan saintis terkenal dunia sehingga aku juga mendapat gelaran yang sama. Namun begitu, kajian yang kujalankan semuanya daripada jalan yang panjang. Walhal rahsianya ada pada kalam Tuhan ini.

Aku termenung usai menghabiskan bacaan ayat pertama *Surah al-Isra'* yang bermaksud, "Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjidilharam (di Makkah) ke Masjidilqasa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah